



PRIVACY NOTICE **NOTIS PRIVASI**

This Privacy Notice is applicable to any student enrolling with **KOLEJ TEKNOLOGI TIMUR (KTT) and KOLEJ TEKNOLOGI TIMUR PETALING JAYA (KTPPJ)**.

Notis Privasi ini adalah untuk pelajar-pelajar yang mendaftar di with KOLEJ TEKNOLOGI TIMUR (KTT) dan KOLEJ TEKNOLOGI TIMUR PETALING JAYA (KTPPJ).

KTT/KTPPJ needs to collect and retain certain types of data, in various formats, about its current, past or prospective Students in order to fulfill its functions. In complying with the Personal Data Protection Act 2010 ('PDPA') this notice is to inform you of your rights in respect of your Personal Data that is being processed or that is to be collected and further processed by KTT/KTPPJ and the purposes for the data processing. KTT/KTPPJ will also process personal data of current, past or prospective Students and visitors following its Privacy Policy which you may refer to **www.ktt.edu.my**

*KTT/KTPPJ perlu mengumpul dan menyimpan beberapa jenis data tertentu, dalam pelbagai format, mengenai pelajar-pelajarnya samada yang masih, telah lepas atau bakal belajar demi memenuhi fungsi tertentu. Dalam mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('Akta'), notis ini bertujuan untuk memaklumkan hak anda terhadap Data Peribadi yang sedang diproses atau yang akan dikumpul dan seterusnya diproses oleh KTT/KTPPJ disamping menyatakan tujuan-tujuan pemprosesannya. KTT/KTPPJ juga akan memproses data peribadi pelawat-pelawat serta pelajar-pelajar yang masih, lepas atau bakal belajar di KTT/KTPPJ mengikut Dasar Privasi yang anda boleh rujuk di **www.ktt.edu.my***

PURPOSES:

TUJUAN-TUJUAN:

We wish to inform you that the personal data and other information of yours (collectively, 'Personal Data') previously provided in your application form for enrolment to KTT/KTPPJ and such other Personal Data that will be collected and processed from time to time in your continued engagement with KTT/KTPPJ and is being, will be and will likely continue to be, used and processed by KTT/KTPPJ for the following purposes:

Kami ingin memaklumkan bahawa data peribadi dan maklumat lain kepunyaan anda (secara kolektif, 'Data Peribadi') sebelum ini yang dinyatakan di dalam borang permohonan anda untuk kemasukan ke KTT/KTPPJ dan Data Peribadi yang lain akan dikumpul dan diproses dari semasa ke semasa sepanjang penglibatan anda dengan KTT/KTPPJ akan diguna dan diproses oleh KTT/KTPPJ bagi tujuan-tujuan seperti berikut:

a) maintenance of the Student record (including personal, academic or training details,) and management of academic or training processes (for example, programme delivery, academic or training audits, examination boards, issue of transcripts and awarding of degrees, certificates, etc);

a) penyelenggaraan rekod pelajar (termasuk butiran peribadi, akademik atau latihan,) dan pengurusan akademik atau proses-proses latihan (misalnya, penyampaian program, akademik atau latihan audit, lembaga peperiksaan, penyerahan transkrip dan anugerah ijazah, sijil, dan lain-lain);

b) the management of Student services, including provision of learning resources and facilities, Student accommodation, transportation, immigration, pastoral care and welfare services;

b) pengurusan perkhidmatan bantuan pelajar, termasuk peruntukan sumber-sumber pembelajaran dan kemudahan, penginapan pelajar, pengangkutan, imigresen, penjagaan pastoral dan perkhidmatan kebajikan;

c) alumni operations, including fund-raising and notification of alumni activities and provision of alumni benefits;

c) operasi alumni, termasuk kutipan derma dan pemberitahuan aktiviti-aktiviti alumni dan peruntukan faedah-faedah alumni;

d) the provision of advice and support to Students (via, amongst others, immigration services, Student services, Student accommodation services, the counseling services, the Students' clubs or association, careers services, internship, practicum or other industrial engagement);

d) penyediaan khidmat nasihat dan sokongan kepada pelajar-pelajar (melalui, antara lainnya, perkhidmatan imigresen, perkhidmatan bantuan pelajar, perkhidmatan penginapan pelajar, perkhidmatan kaunseling, kelab-kelab atau persatuan pelajar, perkhidmatan kerjaya, latihan amali, praktikum atau latihan perindustrian lain);

e) provision of applicable extra curricular activities (for example, Student leadership programmes, Student ambassador programmes, outward bound programmes, career development programmes, etc);

e) peruntukan untuk kegiatan kurikulum tambahan (misalnya, program-program kepimpinan pelajar, program-program kedutaan pelajar, program-program "outward bound", program-program pembangunan kerjaya, dan lain-lain);

f) fees, Student loans (including creation, management and administration of Student's loan accounts) or scholarship processing, payment, collection, credit reporting and recovery of debts;

f) bayaran-bayaran, pinjaman pelajar (termasuk penciptaan, pengurusan dan pentadbiran akaun pinjaman pelajar), atau pemprosesan biasiswa, pembayaran, kutipan, laporan kredit dan tuntutan semula hutang;

g) conduct of surveys and analysis;

g) kaji selidik dan analisis;

h) submissions, research and all other information as required by regulatory or statistical authorities agencies or bodies including the Ministry of Education, Malaysian Qualifications Agency, Ministry of Human Resources and the Department of Skills Development, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Ministry of Home Affairs and the Department for Immigration, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran and, in relation to International Students, foreign authorities and embassies or consulates of the Student's home country;

h) penghujahan, penyelidikan dan semua maklumat lain yang dikehendaki oleh pihak-pihak berkuasa regulatori atau agensi atau badan statistik termasuk Kementerian Pelajaran, Agensi

Kelayakan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan, yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa, pihak-pihak berkuasa asing dan kedutaan atau konsulat negara asal seseorang pelajar antarabangsa tersebut;

i) to provide you with information on the programmes activities and services of KTT/KTTPJ and related corporations in relation to KTT/KTTPJ or its related corporations' programmes, activities and services;

i) menyediakan anda dengan maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti, program-program, dan perkhidmatan-perkhidmatan KTT/KTTPJ dan perbadanan yang berkaitan dengan KTT/KTTPJ atau program-program, aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengannya;

j) internal and external audits or disclosures or such other functions required to be complied in law;

j) audit dalaman dan luaran atau pendedahan atau apa-apa fungsi lain yang dikehendaki mematuhi undang-undang;

k) administration;

k) pentadbiran;

l) other purposes as may be specifically set out in the applicable specific programmes or activities as and when it may be entered between KTT/KTTPJ and you from time to time.

l) tujuan lain sebagaimana yang dinyatakan secara spesifik di dalam program-program atau aktiviti-aktiviti khusus yang melibatkan KTT/KTTPJ dan anda dari semasa ke semasa.

(collectively, the "Purposes")
(*secara kolektifnya, "Tujuan"*)

Please note that it will be necessary for KTT/KTTPJ to process your Personal Data, without which we will not be able to continue to use your Personal Data for any of the above Purposes.

Sila ambil perhatian bahawa adalah perlu bagi KTT/KTTPJ untuk memproses Data Peribadi anda, di mana tanpa Data Peribadi tersebut, akan menyebabkan kegagalan kami menggunakan Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan seperti di atas.

PLEASE NOTE that the Purposes above for which Personal Data is processed is essential for KTT/KTTPJ to carry out its functions as an education or training institution and in providing to you the services for which you have or will be contracting for. Upon acceptance by you of the letter of offer, you hereby consent to the processing of your Personal Data for the aforesaid purposes unless you indicated so in writing.

SILA AMBIL PERHATIAN, bahawa Tujuan di atas di mana Data Peribadi diproses adalah penting bagi KTT/KTTPJ untuk menjalankan fungsinya sebagai institusi pendidikan atau latihan di samping menyediakan perkhidmatannya terhadap anda. Setelah penerimaan surat tawaran oleh anda, anda dengan ini bersetuju Data Peribadi anda diproses bagi tujuan-tujuan tersebut melainkan bantahan dilakukan secara bertulis.

PLEASE NOTE however, under the PDPA, you have the choice not to consent, or to withdraw your consent at any time to all or any specific Purposes. Nevertheless, as the aforesaid Purposes are deemed essential for KTT/KTTPJ to carry out its functions and its services to you, your

failure to consent or withdrawal of consent to all or any specific purpose may affect or disrupt the functions or services to be provided by KTT/KTTPJ to you and to such extent KTT/KTTPJ shall not be held responsible for such disruption of service and may, if deemed appropriate by KTT/KTTPJ terminate its services to be provided to you and claim for reimbursement of benefits conferred on you.

SILA AMBIL PERHATIAN *walaubagaimanapun, berdasarkan Akta, anda mempunyai pilihan untuk tidak bersetuju, atau menarik balik persetujuan pada bila-bila masa kepada kesemua atau mana-mana Tujuan tertentu. Namun, memandangkan Tujuan tersebut di anggap penting bagi KTT/KTTPJ untuk menjalankan fungsinya dan menyampaikan perkhidmatannya kepada anda, kegagalan anda memberikan kebenaran atau menarik balik kebenaran terhadap kesemua atau mana-mana Tujuan tertentu boleh menjejaskan atau mengganggu fungsi-fungsi atau perkhidmatan KTT/KTTPJ kepada anda dan KTT/KTTPJ tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan perkhidmatan tersebut dan boleh, jika dianggap sesuai oleh KTT/KTTPJ menamatkan perkhidmatannya kepada anda dan menuntut pembayaran balik faedah-faedah yang diberikan kepada anda.*

Further please be informed that if required for the foregoing Purposes, your Personal Data may be transferred to locations outside Malaysia or disclosed to KTT/KTTPJ related corporation or partner universities or institutions who may be located within or outside Malaysia. Save for the foregoing, your Personal Data will not be knowingly transferred to any place outside Malaysia or be knowingly disclosed to any third party.

Selanjutnya, sekiranya perlu bagi Tujuan di atas, Data Peribadi anda mungkin akan dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia atau didedahkan kepada perbadanan atau rakan universiti atau institusi-institusi KTT/KTTPJ berkaitan yang terletak di dalam atau di luar Malaysia. Seterusnya, Data Peribadi anda tidak akan dipindahkan ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga dengan sengaja.

DISCLOSURES:

PENDEDAHAN:

KTT/KTTPJ (via academic or training departments, Student services, and other ancillary departments) discloses your information to a variety of recipients, notably:

KTT/KTTPJ (melalui jabatan akademik atau latihan, perkhidmatan bantuan pelajar, dan jabatan sampingan lain) mendedahkan maklumat anda kepada pelbagai pihak, terutamanya:

a) the person(s) you have already authorised to receive disclosure of your personal data in your application form;

a) orang-orang yang diberi kuasa untuk menerima maklumat Data Peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan pendaftaran anda;

b) employees of KTT/KTTPJ (on a need-to-know-basis only);

b) kakitangan KTT/KTTPJ (yang perlu tahu sahaja);

c) Students' sponsors (including parents or guardians (if applicable), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, funding councils and agencies acting on their behalf) scholarship boards, legal advisers and credit rating agencies in relation to credit reporting and recovery of debts;

c) penaja pelajar (termasuk ibu bapa atau penjaga (jika berkenaan), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, badan-badan yang membiayai dan agensi-agensi yang mewakili mereka) lembaga biasiswa, penasihat undang-undang dan agensi-agensi penarafan kredit berhubung dengan laporan kredit dan tuntutan semula hutang;

d) the person(s) having concern over the Students' wellbeing and welfare, and the progress of the Students' studies such as parents and family members, embassies or consulates of the Students' home country ("Concern Person").

d) orang-orang yang prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan pelajar, dan kemajuan pelajaran pelajar pelajar tersebut seperti ibu bapa dan ahli keluarga, kedutaan atau konsulat negara asal pelajar ("Orang Berkenaan").

e) regulatory or statistical authorities, agencies or bodies including the Ministry of Education, Malaysian Qualifications Agency, Ministry of Human Resources and the Department of Skills Development, Pembangunan Sumber Manusia Berhad; and in relation to International Students, foreign authorities, embassies or consulates of the Student's home country;

e) pihak-pihak berkuasa statistik atau regulatori, agensi-agensi atau badan-badan berkaitan termasuk Kementerian Pelajaran, Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Pembangunan Sumber Manusia Berhad; dan yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa, pihak berkuasa asing, kedutaan, atau konsulat negara asal seseorang pelajar antarabangsa;

f) the Ministry of Home Affairs and the immigration authorities, Education Malaysia Global Services and such other authorities, agencies or service providers for processing of immigration visas, permits or approvals.

f) Kementerian Dalam Negeri dan pihak berkuasa imigresen, "Education Malaysia Global Services" dan pihak berkuasa, agensi-agensi atau pembekal-pembekal perkhidmatan untuk pemprosesan visa, permit atau kebenaran imigresen yang lain.

g) current or potential employers of Students or organisations hosting Students' internship, practicum or industrial engagement;

g) majikan atau bakal majikan pelajar atau organisasi-organisasi yang menganjurkan latihan amali pelajar, praktikum atau latihan perindustrian;

h) current or potential providers of education to Students including partner or franchise institutions in connection with the delivery of programmes of education;

h) pembekal pendidikan atau bakal pembekal pendidikan termasuk rakan atau francais institusi yang berkaitan dengan penyampaian program bagi tujuan pendidikan;

i) KTT/KTTPJ's service providers or agents (on a need-to-know-basis only), such as but not limited to, providers for Student's insurance policies, providers for KTT/KTTPJ information technology systems, networks and softwares, outsourced data processing centres, recruitment or programme representatives, managers, co-ordinators or agents, auditors, legal advisers and other consultants.

i) pembekal-pembekal perkhidmatan atau ejen-ejen KTT/KTTPJ (yang perlu tahu sahaja), tidak terhad kepada, pembekal-pembekal polisi insurans pelajar, pembekal-pembekal sistem teknologi maklumat KTT/KTTPJ, jaringan dan perisian, sumber luar pusat pemprosesan data, wakil

program atau perekrut, pengurus, koordinator-koordinator atau agen-agen, juruaudit-juruaudit, penasihat undang-undang dan perunding-perunding lain.

PLEASE NOTE: Disclosures to person or institutions not listed above will be made only with your consent unless exceptional circumstances apply, as provided by law.

SILA AMBIL PERHATIAN: *Pendedahan kepada orang atau institusi yang tidak tersenarai seperti di atas akan dibuat hanya dengan persetujuan anda melainkan keadaan-keadaan tertentu seperti yang dibenarkan undang-undang.*

PLEASE NOTE that the persons or institutions authorised above for disclosure of your Personal Data are regarded by KTT/KTTPJ as essential for KTT/KTTPJ to carry out its functions as an education or training institution and in providing to you the services for which you have or will be contracting for. Upon acceptance by you of the letter of offer, you hereby consent to the processing of your Personal Data for the aforesaid purposes unless you indicate so in writing to KTT/KTTPJ.

SILA AMBIL PERHATIAN: *Bahawa orang atau institusi yang diberikan kuasa seperti di atas untuk mendedahkan Data Peribadi anda dianggap oleh KTT/KTTPJ sebagai pihak penting bagi membolehkan KTT/KTTPJ untuk menjalankan fungsinya sebagai institusi pendidikan atau latihan dan juga dalam menyediakan perkhidmatannya kepada anda. Setelah penerimaan [surat tawaran] oleh anda, anda dengan ini bersetuju Data Peribadi anda diproses bagi tujuan-tujuan tersebut melainkan bantahan dilakukan secara bertulis kepada KTT/KTTPJ*

PLEASE NOTE however, under the PDPA, you have the choice not to consent, or to withdraw your consent at any time of the disclosure to all or any specific persons or institutions listed above. Nevertheless, as the aforesaid Purposes are deemed essential for KTT/KTTPJ to carry out its functions and its services to you, your failure to consent or withdrawal of your consent at any time to the disclosure to all or any specific persons or institution may affect or disrupt, the functions or services to be provided by KTT/KTTPJ to you and to such extent KTT/KTTPJ shall not be held responsible for such disruption of service and may, if deemed appropriate by KTT/KTTPJ terminate its services to be provided to you and claim for reimbursement of benefits conferred on you.

SILA AMBIL PERHATIAN *walau bagaimanapun, berdasarkan Akta, anda mempunyai pilihan untuk tidak bersetuju, atau menarik balik persetujuan pada bila-bila masa terhadap kesemua atau mana-mana orang atau institusi khusus yang dinyatakan di atas. Namun, memandangkan Tujuan tersebut di anggap penting bagi KTT/KTTPJ untuk menjalankan fungsinya dan menyampaikan perkhidmatannya kepada anda, kegagalan anda memberikan kebenaran atau menarik balik kebenaran terhadap kesemua atau mana-mana orang atau institusi khusus mungkin menjejaskan atau mengganggu fungsi-fungsi atau perkhidmatan KTT/KTTPJ kepada anda dan KTT/KTTPJ tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan perkhidmatan tersebut dan boleh, jika dianggap sesuai oleh KTT/KTTPJ, menamatkan perkhidmatannya kepada anda dan menuntut pembayaran balik faedah-faedah yang diberikan kepada anda.*

PLEASE TAKE FURTHER NOTICE that should you at any time withdraw your consent for disclosures of any or all Personal Data to your sponsor (if applicable) or Concern Person, KTT/KTTPJ reserves the right to notify your sponsor (if applicable) or Concern Person that such withdrawal has taken place.

SILA AMBIL PERHATIAN *sekiranya anda pada bila-bila masa menarik balik persetujuan untuk mendedahkan mana-mana atau kesemua Data Peribadi anda kepada penaja (jika*

berkenaan) atau Orang Berkenaan, KTT/KTTPJ berhak untuk memaklumkan penaja anda (jika berkenaan) atau Orang Berkenaan bahawa pemberiankuasa tersebut telah ditarik balik.

Other Rights

Hak-hak Lain

KTT/KTTPJ undertakes to maintain your data in secure conditions and to process and disclose data only within terms of the Personal Data Protection Act 2010. The details above indicate the nature of this notification but are not exhaustive. Please note that KTT/KTTPJ is reliant on Students for much of the data it holds: please help KTT/KTTPJ to keep records up to date by notifying any alterations to your addresses, personal details, or course enrolments.

KTT/KTTPJ memberi jaminan untuk mengekalkan data anda secara selamat dan memproses dan mendedahkan data tersebut hanya dalam lingkungan syarat-syarat Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Butiran ini menunjukkan sifat notis pemberitahuan ini tetapi bukan secara menyeluruh. Sila ambil perhatian bahawa KTT/KTTPJ bergantung kepada pelajar mengenai data yang disimpan: sila bantu KTT/KTTPJ mengemaskini rekod-rekod dengan memaklumkan sebarang perubahan alamat, butiran peribadi, atau kursus pendaftaran anda.

Under the Personal Data Protection Act 2010, an individual has the right to a copy of the current personal information held on him/her by KTT/KTTPJ and a right to raise an objection to data processing that causes damage and distress.

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, seseorang individu mempunyai hak terhadap sesalinan maklumat peribadinya yang terkini yang berada didalam simpanan KTT/KTTPJ dan hak membantah kepada pemprosesan data yang boleh menyebabkan kerosakan dan kesusahan.

You may at any time hereafter make written inquiries and, upon payment of a prescribed fee, request in writing, for access to, or correction of, your personal data or limit the processing of your personal data by submitting such request to the Registry.

Anda boleh pada bila-bila masa membuat semakan secara bertulis dan, setelah bayaran perkhidmatan yang ditetapkan dibayar, memohon secara bertulis supaya dapat mengakses, atau membetulkan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda dengan cara menyerahkan permohonan tersebut ke bahagian Pendaftaran.

KTT/KTTPJ may modify or update this Privacy Notice to reflect any changes to its privacy practices. The updated version will be available on this website which you may periodically review.

KTT/KTTPJ mungkin mengubah atau mengemaskinikan Notis Privasi ini sekiranya terdapat perubahan dalam amalan privasinya. Versi terbaru boleh didapati di laman web ini yang mana anda membaca dari masa ke semasa.